

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 24 MEI 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 34

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L19581
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang tidak dituntut setakat 31 Mac 2023 yang tersimpan dan apakah cadangan untuk memanfaatkan wang tersebut yang terbiar lama untuk pembangunan negara.
2. PR-1522-L20409
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendirian Kementerian untuk meningkatkan pemberian Pemindahan Fiskal Ekologi untuk Pemeliharaan Biodiversiti (EFT) kepada negeri Kedah setimpal dengan pemeliharaan ekologi Hutan Simpan Ulu Muda selain menjadi sumber penggunaan air mentah oleh negeri berdekatan seperti Pulau Pinang.
3. PR-1522-L19969
Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan setakat ini berapa banyakkah jenis produk pertanian yang masih belum mencapai nisbah *Self Sufficient Ratio* dan apakah langkah yang akan dilaksana bagi mencapai nisbah yang ideal dalam masa yang sama mengurangkan kebergantungan negara kepada produk pertanian import.
4. PR-1522-L19597
Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan khususnya Kementerian Luar Negeri bagi mengembalikan kegemilangan kedudukan dan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa termasuk ASEAN yang dilihat semakin terpencil dan tidak dinamik seperimana era tahun 1980an dan 1990an dahulu.

5. PR-1522-L20172

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah rancangan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi menangani isu bekalan elektrik yang kerap terputus dan yang semakin meningkat di daerah Tawau.

6. PR-1522-L20752

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah penjimatan wang Kerajaan menerusi pemberian minyak subsidi diesel 70 juta liter sebulan kepada nelayan daripada ketirisan akibat penjualan di tengah laut, penjualan minyak kepada pemilik bot nelayan yang tidak layak dan pindah dari lori tangki ke lori tangki yang lain dan tidak masuk ke dalam tangki minyak yang berada di jeti yang dibenarkan penjualan oleh pihak berwajib.

7. PR-1522-L19698

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan industri pemprosesan minyak sawit adalah industri yang penting kepada negara. Kebanyakkannya negara maju kini berada dalam fasa IR4.0. Tapi dalam industri sawit di Malaysia di peringkat *harvest* dan *millling* dianggarkan berada dalam IR1.0, sementara di peringkat *refining* kita berada dalam IR3.0. Apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kecekapan industri pemprosesan sawit ke tahap IR4.0.

8. PR-1522-L20876

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa hasil yang diperoleh hasil penjualan portfolio enam aset runcit di Lembah Klang dan Johor oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (b) adakah KWSP berhasrat untuk melupuskan satu lagi aset runcit di Lembah Klang seperti yang dilaporkan dan bagaimana perancangan Kementerian mengenai pelaburan seterusnya oleh KWSP.

9. PR-1522-L20002

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) 2021-2025 yang dirangka Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk memastikan keselamatan, kesihatan serta kebajikan semua pekerja sentiasa terjamin, masih berada di dalam landasannya terutama berkaitan strategi mencegah serta penekanan kepada sektor keselamatan itu sendiri.

10. PR-1522-L20815

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang menaik taraf kawasan Gunung Stong sebagai tarikan ekopelancongan utama di Kelantan yang mana terdapatnya air terjun tertinggi di Asia iaitu Air Terjun Jelawang serta kepelbagaiannya sumber alam yang bakal menarik pelancong tempatan dan luar negara.

11. PR-1522-L20602

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan tabung insentif bagi membantu majikan-majikan terutama di kalangan syarikat swasta mewujudkan peluang bersesuaian dengan bidang kepada pelajar pusat pengajian tinggi dalam melaksanakan tugas latihan kerja (*internship*) dengan elauan yang berpatutan bagi menampung kos mereka.

12. PR-1522-L20391

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meningkatkan harga lantai getah sekirap kepada RM3 sekilogram bagi menyerap impak kejatuhan pendapatan para penoreh ketika ini dan apakah halangan Kementerian dalam menaikkan harga lantai getah.

13. PR-1522-L19491

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan berkaitan pinjaman bank bersandarkan cagaran Akaun Kedua KWSP di bawah Program Pencarum apabila Syarikat Jaminan Pembayaran Perniagaan tidak bersetuju untuk membayar pampasan kepada bank-bank kreditor apabila pencarum KWSP gagal membayar balik pinjaman mereka.

14. PR-1522-L20669

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian dalam menjadikan negara sebagai pengeluar utama makanan dalam negara, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada import makanan yang menyebabkan harga makanan melambung tinggi.

15. PR-1522-L19733

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang boleh dilakukan oleh Kementerian untuk membaik pulih dan mengembalikan status Bukit Larut sebagai satu tempat pelancongan utama, dengan mengambil kira masalah tanah runtuh yang sering berlaku.

16. PR-1522-L20730

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apa perancangan pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam meningkatkan jaringan keselamatan sosial bukan sahaja kepada pekerja malahan kepada majikan dengan menyediakan program seumpama Program Subsidi Upah (PSU) sekiranya berdepan bencana seperti pandemik COVID-19 pada masa hadapan.

17. PR-1522-L19533

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi fenomena El Nino di Malaysia secara amnya dan khususnya negeri-negeri yang tidak mempunyai 20% simpanan air bersih.

18. PR-1522-L20941

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek pemulihan tanah jerlus di kawasan MADA sejak RMK-10 hingga sekarang.

19. PR-1522-L19772

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan membina muka sauq baharu bagi Loji Rawatan Air Segaliud di Sungai Kinabatangan sebagai alternatif menyelesaikan isu air masin dan gangguan bekalan air di Sandakan.

20. PR-1522-L19798

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah seruan YAB Perdana Menteri di Manila yang menyarankan ASEAN supaya mempertimbangkan langkah-langkah baru yang lebih berkesan untuk menyelesaikan krisis di Myanmar akan diterjemahkan melalui kerangka luar Malaysia serta tidak terhalang oleh dasar tidak campur tangan yang menjadi doktrin ASEAN mahupun mencabar Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) 1976.

21. PR-1522-L20883

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status, kos dan garis masa pembinaan Santuari Gajah, Seladang dan Ikan Kelah di Parlimen Gerik yang masih belum siap sepenuhnya sehingga hari ini.

22. PR-1522-L20006

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak ke atas ekonomi Malaysia akibat beberapa siri kegagalan institusi kewangan di Amerika Syarikat (AS) dan kemelesetan ekonomi di United Kingdom (UK), Eropah.

23. PR-1522-L20370

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan susulan pendirian Parlimen Kesatuan Eropah (EU) yang meluluskan Peraturan EU Deforestation Regulation (EUDR) serta implikasinya terutama terhadap sektor sawit Malaysia dan pekebun-pekebun kecil.

24. PR-1522-L20097

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam membendung kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam negara terutamanya di negeri Sabah. Apakah kaedah yang akan dilaksanakan agar PATI yang telah dihantar pulang ke negara asal tidak menyeludup masuk semula.

25. PR-1522-L19600

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan dan strategi Kerajaan dalam meminimumkan defisit fiskal dan hutang negara; dan

- (b) 'Road map' bagi mencapai matlamat hutang negara per GDP di bawah 60% dan defisit fiskal 3.2% pada tahun 2025 sepetimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan.
26. PR-1522-L20004
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai pelan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja, termasuk menjaga kesihatan mental mereka. Jika ya, apa tindakan yang diambil.
27. PR-1522-L19579
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang negara yang berjaya diselamatkan dan dijimatkan sejak Kerajaan Perpaduan tertubuh dan bagaimana butirannya.
28. PR-1522-L20509
Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap krisis yang berlaku di Sudan dan bagaimakah hubungan diplomatik terkini antara Malaysia – Sudan.
29. PR-1522-L20901
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program serta bantuan terkini yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu penternak ikan air tawar di Sarawak termasuk Lubok Antu serta usaha untuk memaju serta mempromosi ikan segar dan produk perikanan air tawar dari kawasan ini.
30. PR-1522-L20927
Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa harga kelapa sawit tidak sama di seluruh negara. Contohnya, harga sawit MPOB purata Semenanjung Malaysia adalah RM792 per tan manakala purata Sabah Sarawak adalah RM720 per tan. Mengapa Sabah Sarawak sentiasa lebih rendah berbanding Semenanjung.
31. PR-1522-L19863
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor dan punca pengurangan indeks jenayah serta impak keselamatan dalam negara kepada persepsi keselamatan global.

32. PR-1522-L20777

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) rasional Fasiliti Sokongan Akaun Dua (FSA2) KWSP berbanding kaedah pengeluaran KWSP secara bersasar, memandangkan FSA2 akan melibatkan faedah hutang pinjaman yang perlu ditanggung rakyat; dan
- (b) respons terhadap kenyataan bercanggah oleh Timbalan Menteri Kewangan yang menyatakan FSA2 bukan berbentuk cagaran pada 10 April 2023, sedangkan Menteri Kewangan menyatakan kaedah ini merupakan cagaran pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan kewangan pada Mac lalu.

33. PR-1522-L20751

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah EFT yang diterima di Kedah setiap tahun bermula tahun 2019 dan rancangan Kementerian bagi memastikan jumlah yang diterima setimpal dengan kos melepas pemeliharaan hutan dan ekologi tersebut, khususnya di Hutan Simpan Ulu Muda.

34. PR-1522-L19732

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rizab sumber mineral yang kritikal dalam industri kenderaan elektrik seperti lithium, cobalt, nickel dan lain-lain. Adakah ia berpotensi dibangunkan.

35. PR-1522-L20135

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) pelan Kerajaan dalam usaha membanteras isu ketirisan di sempadan antarabangsa negara termasuk penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung insiden penyeludupan dadah ke Australia melalui kapal dari Malaysia yang bertolak melalui Pelabuhan Westport.

36. PR-1522-L20177

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan kewangan membaik pulih balai polis atau pondok polis di Sarawak amnya dan di kawasan Baram khasnya pada tahun 2023. Perincikan jumlah projek dan peruntukan untuk Sarawak amnya dan kawasan Parlimen Baram.

37. PR-1522-L19631

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu ketidakseragaman pemberian bonus kepada penjawat awam. Sebagai contoh agensi kastam negara mendapat sebulan bonus sedangkan perkhidmatan awam yang lain hanya menerima sekadar bantuan sahaja. Pihak Kementerian harus menjelaskan mengapa perbezaan ini berlaku sedangkan semua penjawat memainkan peranan di dalam melaksanakan tugas dan skop di bawah Kementerian/Jabatan masing-masing. Apakah keistimewaan hingga menyebabkan perkara ini terjadi.

38. PR-1522-L20000

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membuat pindaan akta atau undang-undang bagi proses pengiktirafan terhadap kesatuan sekerja untuk memberi ruang kepada pekerja memperjuang hak mereka dan mendapat keadilan, memandangkan ada dalam kalangan majikan enggan mengiktiraf kesatuan sekerja di tempat mereka.

39. PR-1522-L20588

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Polis Diraja Malaysia (PDRM) benar-benar mampu mengawal sempadan negara dari berlakunya aktiviti haram seperti penyeludupan, pendatang tanpa izin, dan pemerdagangan manusia setelah berlakunya pembubaran Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) pada tahun 2021.

40. PR-1522-L20605

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan usaha Kerajaan bagi menjalankan hukuman sebat di khalayak ramai kepada pesalah pengedaran dadah sebagai ganti kepada hukuman mati mandatori yang telah dimansuhkan dengan maksud untuk memberi kesedaran dan rasa jera kepada rakyat yang menontonnya.

41. PR-1522-L20068

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini tentang cadangan penubuhan Single Border Agency (SBA).

42. PR-1522-L20466

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dengan kerjasama Kerajaan negeri untuk memperkuatkkan tebing sungai dan pantai termasuk meningkatkan penanaman bakau, memperkuatkkan ban dan membina pemecah ombak.

43. PR-1522-L20880

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian ada merancang untuk memperkenalkan kembali Cukai Warisan (*Inheritance Tax*) sebagai satu usaha menambah hasil Kerajaan.

44. PR-1522-L20596

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan hari ini masih meneruskan Subsidi Penanaman baru dan penanaman semula sawit untuk pengusaha dan pekebun-pekebun kecil luar bandar.

45. PR-1522-L20328

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif dan insentif Kementerian sebagai galakan ekonomi komuniti dalam merancakkan industri cocopeat di kawasan Pantai Timur khususnya di kepulauan Tumpat yang sarat dengan industri berkaitan dengan kelapa.

46. PR-1522-L19874

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah Kementerian akan mempertimbangkan proses pemberian awan untuk mendorong hujan lebat di kawasan Sungai Segaliud dekat Sandakan memandangkan paras air yang sangat rendah di Empangan Betutan ketika ini dan juga untuk mencairkan paras tinggi kandungan klorida dalam air di empangan.

47. PR-1522-L20814

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai yang memohon kewarganegaraan setakat ini dan apakah syarat umum untuk mereka yang ingin mendapatkan kewarganegaraan.

48. PR-1522-L19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja migran yang telah memasuki negara ini sejak tahun 2013, serta pecahan jumlah permit kerja yang telah dikeluarkan dalam tempoh masa yang sama mengikut saluran standard ataupun secara kelulusan khas.

49. PR-1522-L20693

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini skim insurans pertanian yang membabitkan agromakanan bagi melindungi kebajikan golongan petani serta kekangan yang dihadapi menyebabkan pelaksanaannya sehingga kini masih belum dijalankan.

50. PR-1522-L20758

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian untuk memastikan supaya semua nelayan di Malaysia mendaftar dengan persatuan nelayan, agar manfaat dari Kerajaan dan bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh terutama mereka yang telah menceburi bidang ini melebihi 10 tahun; dan
- (b) apakah jenis program dan bantuan yang disediakan kepada para petani dan penternak mengambil kira kenaikan kos input tanaman seperti baja, racun, peralatan pertanian dan dedak ternakan yang berpotensi supaya tidak menjelaskan margin keuntungan mereka.

51. PR-1522-L20203

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 agar hukuman lebih berat dan denda untuk menyekat sindiket judi haram yang berleluasa di pasaran dan mengembalikan semula dana yang sepatutnya diberikan kepada tabung Kerajaan.

52. PR-1522-L19814

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe), termasuk masalah- masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat pengendali. Adakah Kerajaan telah membuat keputusan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan projek ini.

53. PR-1522-L20819

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada setiap 63 sekolah persendirian Cina dan berapa peruntukan yang diluluskan untuk setiap sekolah Kerajaan.

54. PR-1522-L19984

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada cukai keuntungan luar biasa masih dikenakan ke atas industri kelapa sawit. Nyatakan juga sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula berbagai cukai yang dikenakan ke atas industri ini memandangkan industri ini sedang melalui keadaan yang amat mencabar.

55. PR-1522-L20616

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan golongan pesara mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi memandangkan laporan KWSP tahun 2021 melaporkan seramai dua juta ahli berumur 40 hingga 54 tahun mempunyai simpanan kurang dari RM10,000 dan populasi menua (*aging population* negara semakin meningkat).

56. PR-1522-L20441

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana Kementerian memanfaatkan Tabung Khas Perubahan Iklim (SCCF) Bangsa-Bangsa Bersatu.

57. PR-1522-L20610

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing untuk sektor perladangan terutama di ladang-ladang kelapa sawit di seluruh negara dan apakah usaha lain bagi menarik minat anak muda tempatan mengisi tenaga kerja dalam bidang ini.

58. PR-1522-L20913

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dapatan kajian terperinci dan menyeluruh yang menjadi pertimbangan pihak Kerajaan dalam memperkenal Single Border Agency (SBA) berbanding penaiktarafan perkhidmatan awam melalui inisiatif pengkorporatan atau penubuhan suruhanjaya berautonomi melibatkan agensi persekutuan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

59. PR-1522-L19537

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah berkesan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu ketirisan subsidi dan sejauh manakah Kerajaan komited untuk melaksanakan subsidi bersasar.

60. PR-1522-L20400

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam mengatasi isu pelancong asing yang memanipulasi kemudahan visa untuk masuk dan menetap secara terus dalam negara ini.

61. PR-1522-L19673

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah insentif Kementerian, contohnya baucar belibelah dan penginapan bernilai RM500, untuk menarik pelancong antarabangsa ke Malaysia, dan langkah-langkah Kementerian untuk memulihkan industri pelancongan negara.

62. PR-1522-L21011

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah kekangan daripada pihak Kementerian untuk melaksanakan moratorium kepada pembalakan hutan supaya dapat mengurangkan pembalakan serta menggalakkan penanaman semula seperti mana yang sudah dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri semasa beliau menjadi Ketua Pembangkang.

63. PR-1522-L20910

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status pelaksanaan naik taraf sistem ramalan dan amaran cuaca di bawah Jabatan Meteorologi Malaysia.

64. PR-1522-L19845

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan terhadap daging lembu dan kambing import serta perancangan Kementerian bagi memastikan industri penternakan negara mencapai sasaran keperluan negara.

65. PR-1522-L20704

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil Kerajaan untuk memastikan majikan terutamanya pihak swasta menepati saranan Panduan Gaji Permulaan 2020.

66. PR-1522-L20333

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan sedang mengkaji penambahan atau pertukaran sistem parol yang sedia ada, serta mengkaji satu sistem yang boleh mengatasi isu kesesakan di penjara termasuk kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

67. PR-1522-L19756

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bahawa harga baja dan racun yang meningkat dua kali ganda sejak penghujung tahun 2021 telah membawa kesan dan impak besar dan memudaratkan keuntungan pengusaha pertanian serta faedah pengguna. Apakah langkah segera perlu diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan atau mengawal harga baja dan racun dalam masa jangka panjang.

68. PR-1522-L19569

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hampir kesemua agensi dan jabatan di bawah Kementerian beroperasi hanya di Semenanjung jadi apakah peranan dan fungsi Kerajaan Persekutuan untuk memajukan sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan di Sabah dan Sarawak.

69. PR-1522-L20386

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan senarai tujuh projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri Kedah sebagaimana yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) serta status terkini kemajuan projek tersebut setakat ini.

70. PR-1522-L20155

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini perang di Sudan dan apakah pendirian Kerajaan dan bantuan kemanusiaan yang telah Kerajaan Malaysia berikan.

71. PR-1522-L20537

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keterjaminan bekalan air semasa fenomena cuaca kering berlaku di negara kita terutamanya di Loji Air Jenerak Utara, di mana ia sentiasa tidak berfungsi kerana kerosakan.

72. PR-1522-L20152

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan cabaran dan halangan Kementerian dalam pelan tindakan keterjaminan makanan dari segi membangunkan baka berimpak tinggi terutamanya ternakan tenusu dan kambing. Sejauh manakah pencapaian Malaysia setakat ini dari segi penyelidikan untuk menghasilkan baka kambing dan tenusu yang sesuai untuk Malaysia.

73. PR-1522-L19930

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah Kementerian memanfaatkan perubahan iklim untuk menuai sumber tenaga boleh diperbaharui sebagaimana negara luar bagi mengalih kebergantungan terhadap sumber tidak boleh diperbaharui memandangkan krisis bekalan tenaga dan perubahan iklim menjadi ancaman global.

74. PR-1522-L19760

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini projek pembinaan satu struktur lintasan hidupan liar yang terletak di KM102, FT50 laluan Kluang-Mersing.

75. PR-1522-L20658

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan jangka masa pendek kepada permasalahan penternak ikan patin sangkar Sungai Pahang terutama di kawasan Temerloh untuk perkembangan perusahaan ikan patin.

76. PR-1522-L19583

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dapatan daripada kajian yang dilaksanakan untuk membangunkan teknologi kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) bagi tujuan kawalan sempadan negara dan sejauh manakah pengadaptasian teknologi tersebut berupaya mempertingkatkan lagi tahap kecekapan PDRM dalam mengawal keselamatan sempadan maritim dan darat negara.

77. PR-1522-L20529

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan strategik di bawah Akta Perjudian Rumah Terbuka 1953 bagi menangani langkah promosi dan aktiviti perjudian secara dalam talian yang semakin berleluasa kebelakangan ini.

78. PR-1522-L19526

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kes majikan yang gagal membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dilaporkan setakat ini dan langkah yang boleh diambil oleh pekerja untuk melindungi hak mereka sebagai pekerja.

79. PR-1522-L20849

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan Program Pengurangan NRW Kebangsaan bagi Negeri Kedah yang sepatutnya diselesaikan menjelang penghujung tahun 2023.

80. PR-1522-L19503

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah tan metrik beras yang diimport setiap tahun sejak tahun 2000 hingga 2022. Adakah BERNAS satu-satunya pemegang konsesi sebagai pengimport tunggal beras di negara ini dan berapa bayaran fee yang perlu dibayar kepada pemegang konsesi bagi setiap tan.

81. PR-1522-L20261

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini usaha rundingan dengan China berkaitan perluasan kuasanya ke atas Laut China Selatan dan apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya campur tangan Amerika Syarikat di dalam pertikaian ini agar ianya tidak dijadikan platform proksi di antara kuasa barat dan timur yang berisiko membawa kepada kancang perperangan.

82. PR-1522-L20516

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kenapa fungsi sebenar Empangan Paya Peda di Besut untuk membekalkan pengairan air bagi tanaman padi dua (2) kali setahun bagi kawasan seluas 9000 hektar tidak digunakan sepenuhnya kerana setakat ini hanya melibatkan kawasan padi 1063 hektar sahaja.

83. PR-1522-L19780

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap penggunaan US Dollar (USD) sebagai matawang dagangan antarabangsa dan apakah terdapat alternatif yang dicadang bagi menggantikan kebergantungan terhadap USD dalam dagangan global yang melibatkan Malaysia.

84. PR-1522-L20354

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kementerian bagi mengurangkan kesan rumah hijau akibat perladangan kelapa sawit melalui Program Konservasi.

85. PR-1522-L19674

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apa strategi Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran barang makanan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai *agropreneur* menceburkan diri dalam pertanian moden seperti '*vertical farming*', '*hydroponic*', '*sky farming*' dan '*aeroponic*'.

86. PR-1522-L20756

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan Kementerian untuk membangunkan ekopelancongan bercirikan penyelidikan di Taman Negeri Ulu Muda dan Tasik Pedu di Negeri Kedah.

87. PR-1522-L19611

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini Jawatankuasa Penasihat Kepada Menteri Kewangan, termasuklah berapa kali mereka bermesyuarat dan syor yang telah diberikan.

88. PR-1522-L20304

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok.

89. PR-1522-L19528

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan nilai eksport minyak sawit dan derivatif hiliran negara yang terbaru dan usaha Kementerian untuk meningkatkan stok minyak sawit negara bagi menjadikan Malaysia menjadi negara pengeluar minyak sawit utama dunia.

90. PR-1522-L20178

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kemudahan- kemudahan yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk pemilik-pemilik inap desa (*Homestay*) dan syarat-syarat kelayakan untuk kemudahan-kemudahan tersebut. Mohon nyatakan bilangan pemilik kemudahan *homestay* mengikut negeri seluruh negara setakat ini.

91. PR-1522-L20754

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan 71 syarat yang telah ditetapkan terhadap kelulusan yang diberikan untuk meneruskan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSI) bagi tujuan ketelusan dan apakah perincian kaedah mengawal perjalanan projek tersebut bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara dan tidak dieksplotasi secara haram.

92. PR-1522-L20290

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan tindakan Kerajaan di dalam membaik pulih dan menaik taraf kuarters-kuarters balai polis lama di setiap balai polis dan IPD seluruh negara.

93. PR-1522-L20438

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Bank Negara menaikkan Overnight Policy Rate (OPR) sebanyak 0.25% yang hanya menguntungkan sektor perbankan sebaliknya menambahkan beban kewangan peminjam memandangkan Indeks Harga Pengguna (IHP) telah reda dan turun daripada 3.7% pada bulan Februari kepada 3.4% pada Mac 2023.

94. PR-1522-L19539

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keluasan semasa hutan simpan kekal di seluruh Malaysia bagi tujuan pengawalan iklim rumah hijau. Nyatakan juga inisiatif Kementerian dalam menggalakkan pewujudan hutan bandar sebagai usaha memelihara ekosistem di bandar.

95. PR-1522-L20023

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keupayaan dan kualiti klon-klon benih getah yang digunakan pada masa ini sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan hasil serta melindungi tanaman daripada sebarang serangan penyakit pokok getah.

96. PR-1522-L19957

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah Pelan Adaptasi Nasional (NAP) akan dibentangkan. Adakah Kementerian berhasrat memperkenalkan suatu skim insurans banjir nasional untuk melindungi rakyat di kawasan yang terdedah kepada risiko banjir yang lebih tinggi susulan perubahan iklim.

97. PR-1522-L19659

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan jelas proses penggambaran filem Anwar The Movie yang melibatkan pihak Polis di raja Malaysia (PDRM). Apakah skripnya mendapat kelulusan terlebih dahulu dari pihak PDRM.

98. PR-1522-L19736

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status pencapaian sasaran 20% penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui. Apakah status pelaksanaan projek-projek di bawah LSS2, LSS3 dan LSS4 sehingga kini.

99. PR-1522-L19937

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah impak kemunculan kecerdasan buatan terhadap penggunaan dan pasaran tenaga buruh di Malaysia.

100. PR-1522-L20870

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini mangsa-mangsa penipuan kad pengenalan asal dipalsukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga mangsa menghadapi kesukaran dan pergerakan mereka menjadi terhad .

101. PR-1522-L19507

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah apa-apa langkah akan diambil bagi menaik taraf kemudahan-kemudahan permohonan pasport di Urban Transformation Center UTC di KOMTAR, Pulau Pinang kerana banyak rungutan dan aduan bahawa masa menunggu di kaunter Imigresen di UTC terlalu lama di mana ada yang datang seawal 5 pagi untuk membuat permohonan pasport.

102. PR-1522-L20677

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah dengan membawa masuk lebih ramai pekerja asing ke negara ini memberi impak kepada masalah pengangguran dalam negara.

103. PR-1522-L21040

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Apabila pemegang polisi insuran dan takaful seperti perubatan dan hibah berhadapan dengan masalah ejen yang tidak bertanggungjawab, pemegang polisi dibenarkan untuk melantik ejen baru akan tetapi ejen baru tidak layak menerima komisen daripada caruman tersebut sehingga menyebabkan tiada ejen baru yang sanggup menerima kes-kes seperti ini. Apakah Kementerian akan melaksana satu garis panduan baru bagi memastikan masalah ini dapat diatasi.

104. PR-1522-L20700

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keluasan tanah yang digunakan bagi sektor pertanian di Parlimen Kuantan dan bilangan tenaga kerja mengikut pecahan usia dan kaum yang terlibat dalam sektor tersebut.

105. PR-1522-L20888

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kemalangan jalan raya di Sarawak khususnya di sekitar Lebuh Raya Pan Borneo dan apakah langkah untuk memastikan pematuhan undang-undang jalan raya dan trafik dalam kalangan pengguna jalan raya di lebuh raya ini.

106. PR-1522-L20981

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status dan potensi sektor penanaman padi di Sabah dan Sarawak bagi mencapai aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, sekaligus meningkatkan tahap sosio-ekonomi serta nutrisi dalam kalangan masyarakat setempat.

107. PR-1522-L19881

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan untuk menggunakan ujian DNA sebagai salah satu cara yang rasmi untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan daftar lewat kad pengenalan dan juga permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A.

108. PR-1522-L20362

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan persediaan Kementerian bagi menghadapi perubahan iklim yang mendadak (*climate change*) dan program serta perancangan bagi menggalakkan industri hijau.

109. PR-1522-L20262

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya pengusaha-pengusaha durian tempatan mampu mengeksportkan durian segar ke negara China bagi menambahkan daya saing durian Malaysia di pasaran antarabangsa.

110. PR-1522-L20851

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendirian terbaharu Kerajaan mengenai pelaksanaan akta jerebu rentas sempadan ini dan sejauh manakah kajian kebolehlaksanaan berkaitan akta ini telah dilaksanakan secara komprehensif.

111. PR-1522-L19998

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa langkah yang dapat dilakukan Kementerian bagi membantu penduduk tanpa warganegara (penduduk tanpa dokumen) terutama di luar bandar ini memohon kewarganegaraan.

112. PR-1522-L20611

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apa inisiatif Kementerian dalam mempromosikan produk industri pelancongan desa di persada antarabangsa seperti inap desa Kampung Lonek dan Teratak Za'aba misalnya, supaya meningkatkan pendapatan penduduk setempat di samping memperkenalkan budaya tradisi Malaysia kepada masyarakat antarabangsa.

113. PR-1522-L19804

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan nilai eksport durian ke negara China dua tahun belakangan ini serta apakah usaha-usaha Kementerian untuk tingkatkan eksport komoditi ini ke destinasi lain.

114. PR-1522-L19511

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah jerebu yang berulang setiap tahun di negara kita.

115. PR-1522-L19616

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif pembudayaan masyarakat yang dilaksanakan Kementerian bagi menangani fenomena perubahan iklim di Malaysia.

116. PR-1522-L20369

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah golongan belia yang berumur 20-40 tahun di seluruh negara yang terlibat dalam industri pertanian dan berapakah jumlah bantuan yang diberikan kepada mereka.

117. PR-1522-L20620

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membangunkan agensi aduan yang kompeten dan mesra pengguna untuk menangani pelbagai pertikaian bil dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

118. PR-1522-L20767

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 bagi mengekang kegiatan jenayah terancang terutamanya jenayah komersial yang kini semakin berluwasa.

119. PR-1522-L20327

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status pembangunan "*Standard Operational Procedure*" bagi tujuan perlombongan *Rare Earth Element (REE)* di daerah Sik, Kedah.

120. PR-1522-L19678

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian akan mewajibkan panel solar bagi rumah baru sebagai sebahagian daripada langkah menyokong usaha tenaga boleh diperbaharui, dan apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh Kementerian dalam usaha ini.

121. PR-1522-L19702

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah MOTAC mempunyai rancangan untuk melesenkan kegiatan penginapan jangka pendek seperti Airbnb dan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan menyediakan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek bagi meningkatkan pendapatan PBT di samping mengawal selia kegiatan penginapan jangka pendek.

122. PR-1522-L20763

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian mengambil langkah drastik untuk membantu syarikat agensi pelancongan di Malaysia bagi menangani isu berkaitan kenaikan harga tiket penerbangan dan kos berkaitan harga hotel dan pengangkutan di Arab Saudi.

123. PR-1522-L20557

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keputusan Kementerian dalam membenarkan pengeksportan tenaga boleh diperbaharui ke negara luar, serta adakah tenaga angin akan dikategorikan sebagai sejenis tenaga boleh diperbaharui di bawah penyeliaan SEDA.

124. PR-1522-L20632

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan peningkatan sumbangan KWSP majikan yang didesak untuk dinaikkan kepada 20% daripada 12% akan mendatangkan impak negatif kepada majikan khususnya PMKS.

125. PR-1522-L20793

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Lembaga Penapisan Filem (LPF) bagi kandungan filem atau drama televisyen yang melibatkan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya adegan yang mencemarkan imej dan nama baik PDRM dalam filem Anwar: The Untold Story.

126. PR-1522-L19821

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan keberkesanan Kementerian dalam usaha mencapai *zero carbon emissions* dan impak pelaksanaan tersebut terhadap sektor tenaga meliputi aktiviti pembekalan elektrik, pengangkutan, perindustri, pertanian, sumber asli dan lain-lain.

127. PR-1522-L20024

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menurut pecahan negeri, jumlah peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk projek pembinaan dan pembaharuan aset-aset bekalan air dan sejauh manakah pemantauan dilakukan terhadap projek-projek tersebut.

128. PR-1522-L20543

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perincian pecahan aktiviti dan insentif balik yang telah dijalankan Kerajaan melalui hasil kutipan ses daripada hasil sawit yang telah lama dikenakan oleh pihak MPOB.

129. PR-1522-L19517

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kepentingan dan memberi penekanan khususnya di kawasan tarikan pelancong di Klang seperti Pasar Pagi Pandamaran iaitu antara yang terpanjang di negeri Selangor, Jalan Tengku Kelana, yang mempunyai nilai estetika bangunan dan Pulau Indah. Bagaimanakah Kementerian dapat membantu mempromosikan kawasan-kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk menyelenggara, menaik taraf serta meningkatkan imej Bandar Klang sebagai tarikan pelancong.

130. PR-1522-L20682

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan pihak majikan mematuhi perlaksanaan kadar gred gaji minimum bagi pengawal keselamatan di negara ini.

131. PR-1522-L20033

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan untuk membangunkan kawasan riadah menarik yang terdapat di Tampin seperti Bukit Ramunia dan Gunung Tampin agar dapat dijadikan sebagai destinasi ekopelancongan sekali gus membantu masyarakat setempat menjana pendapatan.

132. PR-1522-L20515

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap kenyataan pimpinan DAP Pulau Pinang berkenaan Kerajaan perlu tangani penguasaan Melayu dalam perkhidmatan awam.

133. PR-1522-L19819

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status, kejayaan atau perkembangan terkini berkenaan program SSW (Specific Skills Workers) Jepun dan memorandum kerjasama (MoC) yang dimeterai antara Malaysia dan Jepun bagi tujuan memberi latihan dan nilai tambah kepada pekerja mahir Malaysia.

134. PR-1522-L20462

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status projek tebatan banjir lembangan Sungai Langat.

135. PR-1522-L19711

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah ILP Serian akan mula beroperasi dan apakah sibus atau kursus-kursus yang ditawarkan.

136. PR-1522-L19676

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) berapa peratus peruntukan tahunan Kementerian semenjak 2010 bagi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertumbuhan hijau seperti teknologi hidrogen dan biotenaga; dan
- (b) apakah dasar kepada pemaju projek dan pembeli korporat untuk menyertai Pasaran Karbon Sukarela (VCM) yang dilancarkan Bursa Malaysia.

137. PR-1522-L20968

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) keberkesanan pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) setakat ini di Semenanjung Malaysia; dan
 - (b) usaha proaktif pihak Kementerian dalam mencapai sasaran pelaksanaan program ini seluas 150,000 hektar memandangkan terkini keluasan hanya 7.3 peratus sahaja
- .

138. PR-1522-L19915

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pencerahan berkaitan pencapaian dan status "Program Homestay Malaysia" (Malaysian Homestay Progammes) yang dilancarkan pada tahun 1995 dan apakah inisiatif Kementerian bagi meneruskan Program ini lebih-lebih lagi bagi Wilayah Sabah dan Sarawak.

139. PR-1522-L20825

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di bawah RMK-12 bagi negeri Perak khususnya melibatkan kerja menstabilkan tebing dan pengaluran sungai terutamanya di kawasan Parlimen Padang Rengas.

140. PR-1522-L20151

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan peratus NRW (Non Revenue Water) di Negeri Sembilan dan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk menurunkan peratus tersebut.

141. PR-1522-L20281

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kementerian menjaga alam sekitar demi kehijauan Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok dan senaraikan program yang dijalankan kerana terdapat beberapa lokasi yang dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram yang mengancam habitat seperti spesis kurma laut yang dilindungi.

142. PR-1522-L19572

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mempercepatkan proses permohonan visa baru dan lanjutan yang didapati selama ini sangat lambat dan tidak cekap.

143. PR-1522-L20955

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha penambahan Kementerian dalam menangani isu gangguan bekalan air tidak berjadual yang sering berlaku, termasuk di negeri Selangor.

144. PR-1522-L19724

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan Malaysia My Second Home (MM2H) dari tahun 2018 ke 2022 dan Premium Visa Program (PVIP) sejak permulaannya. Adakah Kerajaan akan menyemak semula syarat MM2H.

145. PR-1522-L20219

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah bagi memperkasakan agropelancongan di Kota Belud memandangkan potensi besar yang dimiliki daerah ini untuk menjadi hub agropelancongan negara.

146. PR-1522-L19774

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan terdapat sebarang pantauan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengenal pasti punca utama kekerapan bekalan elektrik terputus di kawasan Parlimen Libaran serta apakah inisiatif pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah tersebut.

147. PR-1522-L19892

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) harga tender-tender untuk Pusat Neuro-Robotik dan Cybernic Kebangsaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Perak serta nyatakan bila tender-tender tersebut dijalankan; dan
- (b) adakah ianya tender-tender terbuka. Jika tidak, mengapa tidak.

148. PR-1522-L21050

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina Pusat pengumpulan Getah Lateks di negeri Sarawak. Apakah pelan strategik Kementerian untuk memperkasakan industri huluan dan hiliran koko di negeri Sarawak.

149. PR-1522-L19706

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini dalam pelancaran Identiti Digital Nasional (NDID) bagi memudahkan urusan pengesahan secara digital secara dalam talian.

150. PR-1522-L20797

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penentuan kaedah bantuan bersasar kepada golongan B40 bagi meringankan beban golongan tersebut.

151. PR-1522-L20424

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar dan kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap lantikan politik sebagai pengurus dan ahli lembaga pengarah di badan berkanun, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbadanan milik Kerajaan, agensi Kerajaan, serta IPTA.

152. PR-1522-L19672

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) keupayaan kewangan negara berbanding negara serantau dari segi rizab antarabangsa; dan
- (b) sejauh mana prestasi bayaran khidmat hutang mempengaruhi penentuan penarafan kredit negara oleh agensi antarabangsa.

153. PR-1522-L20839

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian RM1.6 bilion yang diperuntukkan kepada negeri Kedah berdasarkan pengumuman Perdana Menteri baru-baru ini.

154. PR-1522-L20255

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme penampang yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi menangani kesan negatif kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) kepada tiga peratus yang akan meningkatkan kadar inflasi, mengurangkan keupayaan pemilikan modal, kenaikan kadar faedah dan pengurangan akses kepada pinjaman yang sudah pasti akan membebankan rakyat dan merencatkan usaha pemulihan ekonomi negara.

155. PR-1522-L20716

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah pembayaran pampasan pajakan Negeri Pulau Pinang berdasarkan Triti Kedah 1869.

156. PR-1522-L20935

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat usaha-usaha merundingkan semula nilai pembayaran pajakan negeri Pulau Pinang berdasarkan Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 21/2023) Rang Undang-Undang Insolvensi (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**
[23 Mei 2023]
[Perdana Menteri]
2. (D.R 20/2023) Rang Undang-Undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Komunikasi Dan Digital]
3. (D.R 18/2023) Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023.
[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]
4. (D.R 19/2023) Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023.
[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]
5. PR-1522-U(27)254
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

6. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

7. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

8. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

9. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

11. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

12. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

17. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

20. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

22. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "*redemption of credit shell*" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

23. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebijakan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

25. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

26. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesas Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parliment di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parliment Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parliment."

[Perdana Menteri]

27. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 4	Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Kelima Belas	24 Mei 2023
ST. 61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2020	24 Mei 2023
ST. 94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Islam Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST. 113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2021	24 Mei 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 24.05.2023 (Rabu)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Pemaju Swasta yang Menjejasakan Hak dan Kepentingan Pembeli	1. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
2. 24.05.2023 (Rabu)	2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	2. Pertikaian Pangsapuri Atlantis Kota Syahbandar, Melaka	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 24.05.2023 (Rabu)	3. YB Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)	3. Keperluan Mendesak untuk Meneruskan Semula Projek UTC Sandakan	3. YB Menteri Kewangan
4. 24.05.2023 (Rabu)	4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)	4. Kekurangan Katil dan Pakar di Hospital Duchess of Kent, Sandakan	4. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**